

21 NOV 1999

BN-Manifesto

UNDI BN UNTUK MALAYSIA YANG BEBAS, SEPADU DAN MAJU

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) malam ini memperkenalkan manifestonya bagi pilihan raya umum pada 29 Nov ini, yang menonjolkan pencapaian bagi lebih empat dekad dan meminta orang ramai untuk mengundi parti perikatan yang memerintah bagi "Malaysia yang bebas, sepadu dan maju."

Dalam manifestonya yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN, di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, BN juga berterima kasih kepada rakyat kerana memberi sokongan dan mandat mereka kepada BN untuk menerajui negara sejak kemerdekaan 42 tahun lepas.

Rakyat diseru untuk terus bersatu bersama BN "demi masa depan negara dan bangsa," dan BN akan terus mempertahankan kedaulatan dan kestabilan negara serta perpaduan dan keharmonian rakyat.

Ia juga berjanji untuk terus membangunkan negara melalui dasar-dasar yang boleh memakmurkan rakyat selaras dengan Wawasan 2020 dan menentang semua bentuk pemikiran sempit perkauman dan yang melampau.

Menurut manifesto itu lagi, BN akan menaikkan maruah negara supaya Malaysia sentiasa dihormati dan dicontohi di arena dunia melalui pencapaian dan keupayaannya dalam menghadapi cabaran di alaf akan datang.

BN terdiri daripada 14 parti komponen yang mewakili pelbagai kaum iaitu Umno, MCA, MIC, Gerakan dan PPP di Semenanjung sementara di Sabah ialah LDP, Akar Bersatu, UPKO, PBRIS dan SAPP dan di Sarawak pula PBB, SUPP, PBDS and SNAP.

Dalam perutusannya di manifesto 19 muka surat itu yang bertajuk "Malaysia: Bebas, Sepadu, Maju Bersama Barisan Nasional," Dr Mahathir mahukan rakyat memberi "undi keyakinan" mereka kepada BN pada pilihan raya 29 Nov ini, iaitu yang terakhir di alaf ini.

"Pilihan raya 29 Nov, 1999 sekali lagi akan memberi peluang kepada rakyat untuk mengekalkan, memantapkan dan meneruskan pencapaian BN secara lebih besar lagi dengan memberi undi keyakinan kepada BN," katanya.

Beliau berkata, BN telah membuktikan hasil dan manfaat melalui perkongsian pintar atas dasar kerjasama, kata sepakat, tolak ansur dan identiti di kalangan kaum-kaum.

"Pegangan teguh Malaysia kepada prinsip demokrasi dengan mengadakan pilihan raya mengikut jadual selama 42 tahun kemerdekaan membolehkan negara mengibarkan bendera kebebasan dan kedaulatan maruah rakyat, agama dan negara melalui pencapaian cemerlang dalam politik, ekonomi dan aspek sosial.

Pelancaran manifesto itu dibuat sehari selepas penamaan calon. BN baru-baru ini meraikan ulangtahun ke 25 yang dihadiri oleh lebih 100,000 orang di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini.

Dalam manifesto itu, BN menyeru rakyat Malaysia supaya terus bersatu dengan BN untuk "mengekalkan serta meningkatkan kemajuan dan mengatasi cabaran lebih besar di alaf akan datang."

Menurut Manifesto itu lagi selepas 42 tahun merdeka, negara terus kekal bebas, antara lain membenarkan pembentukan parti politik dan sistem ekonomi dan mencari jalan penyelesaian tersendiri untuk mengatasi masalah dalaman dan perkauman.

Malaysia, menurutnya lagi, juga bebas daripada pengaruh dan kongkongan kuasa-kuasa besar serta daripada telunjuk kuasa asing dan boleh mengamalkan dasar-dasar berkecuali dan membantu rakyat yang tertindas di mana-mana

negara lain dunia.

Manifesto itu juga menjelaskan mengenai perpaduan antara kaum yang telah dicapai oleh negara melalui BN yang memberi kekuatan kepada rakyat Malaysia untuk menghadapi semua bentuk serangan dari luar dan dalam.

Menurutnya lagi, negara terus bersatu kerana keutamaan diberikan kepada rundingan dalam mengatasi masalah dan politik kaum telah digantikan dengan politik kerjasama membabitkan parti-parti yang mewakili kaum-kaum.

Ia juga menyebut rakyat Malaysia mempunyai jati diri yang lebih lagi dan mereka bermegah dengan kemajuan yang dicapai oleh negara. Mereka juga mempunyai kebebasan untuk belajar bahasa ibunda di samping menguasai bahasa kebangsaan.

Menurut manifesto itu lagi, semua ini mungkin kerana BN dan ini terbukti sejak kemerdekaan.

"Kepimpinan BN berpandangan jauh. Wawasan 2020 membuktikannya," kata manifesto itu.

Ia juga menyebut idea-idea baru akan diperkenalkan dan dilaksanakan untuk menjadikan Malaysia cemerlang di kalangan negara-negara cemerlang di dunia.

-- BERNAMA

ES PR